



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR

SATU KAJIAN TENTANG PROSPEK DAN MASALAH  
DALAM FAKTOR-FAKTOR PEMASARAN ' CRUISE MUHIBAH '

DISEDIAKAN UNTUK

PROJEK PELAJAR KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN  
sebagai memenuhi salah satu daripada syarat wajib untuk  
mendapatkan Diploma dalam Pengajian Perniagaan.

DISEDIAKAN OLEH

SAEDJUL KHUDERI B. HAJI ABD. SAMAT	83879824
SALBIAH BT. HARUN	83822268
AMY NOORIN BT. HAJI HASSAN	83863711
AHMAD DJUANDA B. MOHAMED	83921505
NOORAINI BT. GHANI	83819101

NOVEMBER , 1986

DAFTAR KANDUNGAN :

<u>TAJUK</u>	<u>HALAMAN</u>
Penghargaan	i.
 <u>BAB SATU</u>	
1.1 Pengenalan	2
1.2 Penyata Masalah	5
1.3 Objektif	6
1.4 Hipotesis	7
1.5 Had dan Pembatasan Kerja	8
1.6 Definasi Istilah	10
1.7 Andaian	11
 <u>BAB DUA</u>	
<u>BAHAN KAJIAN</u>	
2.1 Definasi Feri	13
2.2 Kajian Awal Perkhidmatan Feri di Malaysia	14
2.3 Penubuhan Syarikat Feri Malaysia Sendirian Berhad.	17
 <u>BAB TIGA</u>	
<u>METHODOLOGI</u>	
3.1 Pengenalan	22
3.2 Merangka Soal Selidik	23
3.3 Cara mengendalikan kajiselidik	23
3.4 Skop kajiselidik ( 4 P's )	25
3.5 Populasi dan persampelan	27

Tarikh keramat 31 Ogos  
 Bara dari tonggan sejarah bangsa  
 Perjuangan berani para pahlawan  
 Memarakkan api nasionalisma  
 Hari ini berkibirlah panji-panji merdeka.

II

Pelabuhan Kuantan  
 Pagi ini degup jantungmu  
 Mengetuk pintu Lautan China Selatan  
 Langit dan udaramu menyaksikan  
 Saat bersejarah peristiwa istimewa  
 Pelancaran Feri Malaysia.

Feri Malaysia bukan sekadar bahtera  
 Dialah jambatan muhibah  
 Diapungkan di dada gelombang  
 Merentangi ombak Lautan China Selatan  
 Menghamparkan permulaan persahabatan;  
 Menemukan tiga pelabuhan tanahair  
 Kuantan-Kuching-Kinabalu  
 Mencantumkan pula tiga daratan Malaysia  
 Keindahan-Kemesraan-Keselesaian.

Pelancaran Feri Malaysia  
 Pelancaran idealisma bangsa  
 Dalam nyanyian angin dan deru ombak  
 Alun harapan di permukaan riak  
 Untuk bumi Semenanjung-Sabah-Sarawak.

III

Resapkan keindahan bumi Kenyalang  
 Rasakan kehebatan arus Sungai Rejang  
 Asyiknya tarian ngajat di rumah panjang  
 Sarawakku sayang, sungaimu tidaklah sempit  
 Kekayaan budayamu hati tergamit.

Panjulah bahu gunung gagah Kinabalu  
 Hiruplah hembusan nyaman beryu Tanjung Aru  
 Tanah ini mengamugerahkan pahlawan Mat Salleh  
 Saksikan kehebatan anak Bajau di pelana kuda  
 Putera Kadazan mewarisi kegagahan nenek moyangnya.

IV

Alam Malaysia memberikan segalanya  
 Penemuan tinggalan manusia tertua di dunia  
 Belantara dan tumbuhan ribuan tahun usia  
 Tasek lembah gunung-ganang bukit-bukau  
 Pesisiran pantai landai dan jernih sungai  
 Teluk tanjung dan gugusan pulau-pulau  
 Gemuruh air terjun dan pelbagai hidupan liar  
 Aneka bunga menguntumkan kelopak seribu warna.

V

Himpunan kesenian corak warna adat warisan  
 Cantuman kepelbagaian keturunan suku bangsa  
 Kegemilangan kekayaan budaya bersama  
 Membentuk Bangsa Malaysia menjadi terkenal  
 Toleransi yang mengadunkan integrasi nasional.

VI

Feri Malaysia  
 Semoga Tuhan merestui semangatmu,  
 Dengan cinta rakyat sebuah masyarakat baru  
 Di bawah bendera yang satu  
 Menyanyikan satu lagu  
 Satu nama bangsa: Malaysiaku.

USMAN AWANG  
 31 Ogos 1986, Cruise Muhibah

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani"

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayahNya kami telah dapat menyiapkan projek penyelidikan perniagaan dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama di dalam memberi maklumat, pendapat serta nasihat yang bernilai bagi menjayakan projek kami.

Ucapan berbilang terima kasih, kami sampaikan kepada penasihat-penasihat kami iaitu :-

1. Puan Ubaidah Bt. Mohamad  
Pensyarah, Kajian Perniagaan dan Pengurusan
2. Pensyarah-pensyarah, Kajian Sains Matematik dan Komputer

Kami juga mengucapkan berbilang terimakasih kepada En. Yeop Hussin B. Bidin, salah seorang pensyarah Penyelidikan Perniagaan atas tunjuk ajar yang diberikan. Tidak ketinggalan juga penghargaan kami kepada pihak Syarikat Feri Malaysia Sdn. Bhd. atas segala maklumat yang telah diberikan terutama Pengurus Besar Syt. Feri Malaysia, Encik Abdul Rahim Idris.

Akhir sekali kepada semua responden-responden yang terlibat di dalam penyelidikan ini iaitu seramai 150 orang serta kawan-kawan sekursus yang turut membantu dalam menjayakan projek ini.

### 1.1 PENGENALAN

"Konsep bercuti memuju ke tempat percutian" adalah perjalanan yang menyeronokkan apabila kita menyertai pelayaran dengan Feri Malaysia, Cruise Muhibah. Bercuti dengan menaiki kapal adalah salah satu pengalaman menarik kerana sambil mengharungi dan menyeberangi ombak serta menhirup kesegaran udara Lautan China Selatan yang meluas itu kita juga dapat mengenali dengan lebih rapat lagi penduduk antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Inilah yang merupakan sebab mengapa kapal tersebut diberi nama 'Cruise Muhibah'.

Kapal ini telah disamakan dengan 'Love Boat', satu siri lucu yang pernah disiarkan di TV3 suatu masa dulu yang mengisahkan gelagat penumpang di atas kapal 'Pasific Princess'. Perjalanan menggunakan kapal laut bukanlah menjadi perkara baru bagi kita kerana sejak dahulu lagi, iaitu di zaman datuk nenek kita telah lama menggunakan perkhidmatan kapal laut untuk mengerjakan haji di Mekah atau ke suatu destinasi yang lain. Ini disebabkan jalan laut dikira sebagai suatu pengangkutan yang penting pada masa dulu. Sekarang ini kepentingannya agak berkurang kerana sudah terdapat alternatif lain yang lebih moden dan cepat seperti kapal terbang.

Sejarah Feri Malaysia bermula pada tahun 1982, bila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad sendiri mencadangkan supaya satu alternatif dicari untuk merapatkan lagi hubungan antara penduduk Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.